

# HUBUNGAN ANTARA PERAPATAN KEIBUBAPAAN DENGAN STATUS IDENTITI REMAJA MELAYU

## THE RELATIONSHIP BETWEEN PARENTAL ATTACHMENT AND IDENTITY STATUSES AMONG MALAY ADOLESCENTS

Jamal Ismuni  
Jas Laile Suzana Jaafar  
Yoo Fei

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah jenis perapatan keibubapaan dan identiti status remaja Melayu dan hubungan antara perapatan keibubapaan dengan status identiti. Seramai 200 remaja (100 lelaki, 100 perempuan, 13-19 tahun) pelajar sekolah menengah telah menjawab *Parental Attachment Questionnaire* (PAQ, Kenny, 1987) dan *The Extended Objective Measure of Ego-Identity Status* (EOM-EIS II; Bennion & Adams, 1986). Keputusan kajian mendapat majoriti remaja Melayu tinggi dalam identiti *achievement* dikuti dengan identiti *moratorium*. Hasil kajian juga mendapat remaja Melayu paling banyak mempersepsikan ibu bapa mereka sebagai memiliki perapatan jenis afektif (AQR). Terdapat hubungan positif antara perapatan keibubapaan dengan status identiti.

**Kata kunci:** status identiti, perapatan keibubapaan, remaja Melayu.

### Abstract

*The present study attempts to identify the patterns of parental attachment and identity statuses of the Malay adolescents, and also the relationship between the parental attachment and identity statuses. Two hundred high school adolescents (100 males and 100 females, 13-19 years old) responded to Parental Attachment Questionnaire (PAQ, Kenny, 1987) and The Extended Objective Measure of Ego-Identity Status (EOM-EIS II; Bennion & Adams, 1986). The results indicated that the majority of the Malay adolescents are high in achievement followed by moratorium. The*

*adolescents also perceived their parents as having AQR type of parental attachment. Finally, it is found there is a significant positive relationship between parental attachment and identity statuses.*

## **Pengenalan**

Salah satu isu dalam kajian-kajian yang berkaitan dengan stail membesarakan anak dan perapatan ialah menghurai corak dan tren dalam aspek tersebut. Setakat ini kajian lepas banyak tertumpu di Barat. Yang ada di Timur setakat ini mendapati majoriti ibu bapa di Asia lebih tradisional berbanding dengan ibu bapa di Barat. Wu & Chao (2005) dan Chao & Tseng (2002) mengatakan cara membesarakan anak yang digunakan oleh ibu bapa Amerika Asia dicirikan oleh ibu bapa yang bersifat perihatin dan terlibat dalam hidup anak-anak mereka. Ini juga dihurai oleh Chao sebagai “latihan” yang dicirikan oleh kawalan ibu bapa. Perbezaan dalam ciri membesarakan anak ini tergambar juga dalam masyarakat yang lain, misalnya ciri hormat dan ketataan dalam masyarakat Latin (Harwood et al., 2002) dan anak dalam masyarakat Timur digalakkan untuk bergantung dengan ibu bapa dalam masyarakat Jepun (Takahashi, 1986).

Kajian-kajian tempatan mendapati gaya keibubapaan yang dimiliki remaja Malaysia ialah jenis autoritarian (Norlizah Hassan, 2008; Zahyah Hanafi, 2004). Hasil sama turut dijumpai Somayeh dan Rozumah (2009) pada ketiga-tiga etnik iaitu Melayu, Cina, dan India. Walau bagaimanapun, sesetengah hasil kajian tempatan yang lain menunjukkan gaya keibubapaan dimiliki remaja ialah jenis autoritatif (Azizi et al., 2006; Habibah dan Tan, 2009). Ringkasnya, terdapat beberapa kekurangan daripada kajian lepas tempatan. Pertama, dapatan kajian setakat ini tidak konsisten. Oleh itu, kajian lanjutan berkaitan perkara ini perlu dilakukan. Kedua, majoriti kajian tempatan terdahulu tidak banyak melihat isu perapatan keibubapaan tetapi banyak pada isu gaya keibubapaan. Lantaran itu, isu perapatan keibubapaan akan diteliti dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti status identiti remaja Melayu. Keputusan kajian lepas mendapati remaja dalam masyarakat budaya kolektif didapati tinggi dalam identiti *foreclosure* (Adams, Shea dan Fitch, 1979; Bennion dan Adams, 1986; Cakir dan Aydin, 2005; Grotevant dan Adams, 1984; Marcia, 1966; Markstrom-Adams dan Adams, 1995; dan Markstrom-Adams et al., 1994). Dalam budaya masyarakat Melayu, anak tidak digalakkan untuk melakukan penerokaan dan cenderung untuk bergantung kepada ibu bapa. Hasilnya, remaja dalam masyarakat Timur jadi *foreclosure* hasil daripada

penerokaan untuk pilihan terhadap isu identiti tidak berlaku hanya komitmen sahaja yang berlaku (Cakir & Aydin, 2005). Kajian ini meramal bahawa remaja Melayu akan cenderung berada pada tahap *foreclosure*.

Jika dilihat pada kajian-kajian lepas, didapati wujud hubungan antara perapatan keibubapaan dengan status identiti remaja (Benson, Harris, & Rogers, 1992; Kroger, 1985; Kroger & Haslett, 1988; Lapsey, Rice & Fitzgerald, 1990; Zimmerman & Becker-Stool, 2002). Spesifiknya, kajian-kajian lepas mendapat terdapat hubungan positif antara perapatan jenis selamat (*secure attachment*) dengan identiti *achievement*. Walau bagaimanapun, sama ada keadaan yang sama berlaku pada remaja Melayu masih tidak boleh dipastikan kerana kajian-kajian yang sedia kala hanya dilakukan di Barat. Tambahan pula kajian-kajian tempatan yang ada hanya melihat perkaitan antara gaya keibubapaan dengan pembolehubah lain seperti pencapaian akademik, salah laku remaja, dan kesejahteraan anak (Rozumah, 1999; Rozumah et al., 2010; Khuzaimah, 2001; Zarina, 2009) Dengan mengkaji isu ini, ia tidak sahaja dapat menambahkan pemahaman tentang hubungan antara dua pembolehubah tersebut terutamanya dari konteks remaja tempatan tetapi juga dapat memberi sedikit gambaran tentang perapatan di Timur.

## Metod

### Sampel dan Prosedur Kajian

Seramai 200 orang pelajar sekolah menengah (13-19 tahun, 100 lelaki dan 100 perempuan) telah menjawab *The Parental Attachment Questionnaire* (PAQ, Kenny, 1987) yang mengandungi 55 item, yang terbahagi kepada tiga sub-skala iaitu *perception of the affective quality of their relationships with parents* (AQR), *parents as facilitators of independence* (PFI), dan *parents as sources of emotional support* (PSES). Perapatan keibubapaan diukur secara berasingan iaitu perapatan dengan ibu dan perapatan dengan ayah. Kebolehpercayaan alat kajian PAQ adalah .96 alpha cronbach bagi skala pertama iaitu *perception of the affective quality of their relationships with parents*, dan .88 bagi *parents as facilitators of independence* dan juga *parents as sources of emotional support* (Kenny dan Donalson, 1991).

Remaja juga menjawab *The Extended Objective Measure of Ego-Identity Status* (EOM-EIS II, Bennion dan Adams, 1986) yang mengandungi 64 item. Ada 16 item bagi setiap 4 status identiti (*Diffusion*, *Foreclosure*, *Moratorium*, *Achievement*). Kebolehpercayaan alat kajian EOMEIS adalah .69 alpha cronbach bagi skala pertama iaitu *diffusion*,

bagi skala *foreclosure* pula adalah .81 bagi *moratorium* adalah .66 manakala identiti *achievement* adalah .76 alpha cronbach (Carlson, 1986).

## **Keputusan Kajian**

### **Perapatan Keibubapaan Remaja Melayu**

Keputusan kajian menunjukkan perapatan jenis *Affective Quality of Their Relationships with Parents (AQR)* bagi ibu dan bapa merupakan perapatan yang paling tinggi dilaporkan oleh remaja (nilai min=102.8 bagi *AQR*, ibu sahaja, bapa sahaja min=96). Hal ini diikuti oleh perapatan jenis *Parents As Sources of Emotional Support (PSES)* bagi ibu sahaja (min= 48.3). Seterusnya adalah *Parents as Facilitators of Independence (PFI)* bagi ibu sahaja (min= 44.8) diikuti dengan sub skala *Parents As Sources of Emotional Support (PSES)* bagi bapa sahaja (min= 44.3) dan yang terakhir adalah *Parents as Facilitators of Independence (PFI)* bagi bapa sahaja (min= 42.3) (lihat Jadual 1).

Jadual 1

Min dan sisihan piawaian bagi perapatan keibubapaan remaja Melayu ( $N= 160$ )

Jenis Perapatan	Jumlah	
	M	SP
<i>Affective Quality of Their Relationships with Parents (AQR Mother)</i>	102.8	17.80
<i>Affective Quality of Their Relationships with Parents (AQR Father)</i>	96.	28.10
<i>Parents As Sources of Emotional Support (PSES Mother)</i>	48.3	9.102
<i>Parents As Sources of Emotional Support (PSES Father)</i>	44.3	13.40
<i>Parents as Facilitators of Independence (PFI Mother)</i>	44.8	7.913
<i>Parents as Facilitators of Independence (PFI Father)</i>	42.3	12.34

## **Status Identiti Remaja Melayu**

Keputusan kajian menunjukkan identiti *achievement* merupakan skor paling tinggi (min= 61.3), diikuti dengan identiti *moratorium* (min= 60.4), *foreclosure* (min= 57.8), manakala yang terakhir adalah identiti *diffusion* (min= 56.5) (lihat Jadual 2). Keputusan kajian ini secara tidak langsung bertentangan dengan ramalan awal kajian ini yang mengandaikan remaja Melayu tinggi dalam skor *foreclosure*. Walau bagaimanapun, perbezaan antara setiap status identiti tidak ada perbezaan. Ini akan dibincang dengan lebih lanjut.

Jadual 2

Min Dan Sisihan Piawaian Untuk Status Identiti Remaja Melayu

Status Identiti	Jumlah	
	M	SP
<i>Diffusion</i>	56.5	9.970
<i>Foreclosure</i>	57.8	10.96
<i>Moratorium</i>	60.4	10.50
<i>Achievement</i>	61.3	11.54

Nota. N= 200; M= Min; SP= Sisihan Piawaian

## **Hubungan Antara Perapatan Keibubapaan Dengan Status Identiti**

Bagi melihat hubungan antara perapatan keibubapaan dengan status identiti remaja Melayu, perapatan keibubapaan diukur secara berasingan iaitu perapatan dengan ibu dan perapatan dengan bapa. Keputusan analisis ujian Kolerasi *Spearman* menunjukkan *Parents As Sources of Emotional Support (PSES* bapa sahaja) berhubungan secara positif dengan identiti *foreclosure* ( $r = .18$ ,  $k < 0.05$ ). Selain itu perapatan jenis *Parents As Sources of Emotional Support (PSES* ibu dan bapa) juga berhubungan secara positif dengan identiti *achievement* iaitu *PSES* bapa sahaja ( $r = .17$ ,  $k < 0.05$ ), manakala nilai korelasi *PSES* ibu sahaja ialah  $r = .20$ ,  $k < 0.05$  (lihat Jadual 3). Keputusan ini menunjukkan bahawa sumber sokongan emosi ibu bapa menyumbang kepada identiti *achievement* remaja dan sumber sokongan emosi bapa sahaja menyumbang kepada *foreclosure* remaja.

Jadual 3: Keputusan Analisis Kolerasi Spearman bagi Perapatan Keibubapaan dan Status Identiti

*Nota: N = 200 Orang Remaja Melayu; AQR = Affective Quality of Their Relationships with Parents; PFI= Parents As Facilitators of Independence; PSES = Parents As Sources of Emotional Support; \* k < 0.05; \*\*k < 0.01*

Pembolehubah	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
1.AQR (IBU)	1.000									
2.AQR (BAPA)	.772**	1.000								
3.PSES (IBU)	.572**	.478**	1.000							
4.PSES (BAPA)	.406**	.614**	.718**	1.000						
5.PFI (IBU)	.504**	.358**	.361**	.223**	1.000					
6.PFI (BAPA)	.359**	.499**	.258**	.393**	.689**	1.000				
7. <i>Diffusion</i>	-.103	-.090	-.051	-.039	-.002	.062	1.000			
8. <i>Foreclosure</i>	.054	.065	.149	.183*	.079	.081	.445**	1.000		
9. <i>Moratorium</i>	.009	-.004	.148	.154	-.015	.019	.545**	.566**	1.000	
10. <i>Achievement</i>	.045	.020	.198*	.173*	.097	.137	.349**	.614**	.630**	1.000

## Perbincangan

Lantaran dari keputusan kajian yang tidak konsisten, kajian ini dilakukan untuk melihat apakah sebenarnya corak perapatan ibu bapa Melayu. Hasil analisis menunjukkan majoriti remaja Melayu melihat ibu bapa mereka sebagai *Affective Quality of Their Relationships with Parents (AQR)*. *AQR* dicirikan oleh ibu dan bapa yang mempunyai masa untuk membantu anak, menyokong matlamat dan minat anak mereka, seseorang yang sentiasa dicari oleh anak, seorang yang akan mendengar cerita anak mereka ketika sedih, memahami dan mengambil tahu masalah anak dan lain-lain (Kenny, 1987).

Keputusan kajian ini bertentangan dengan beberapa dapatan kajian tempatan yang mendapati remaja Melayu memiliki gaya keibubapaan yang bersifat autoritarian (lihat kajian Norlizah Hassan, 2008; Somayeh dan Rozumah, 2009; Zahyah Hanafi, 2004). Sebenarnya, ciri-ciri *AQR* yang tinggi adalah lebih kurang sama dengan ciri-ciri autoritatif. Apa yang mungkin berlaku ialah ciri-ciri authoritarian (seperti kepatuhan dan ketaatan pada individu yang berautoriti seperti ibu bapa) hanya berlaku dalam beberapa aspek tertentu seperti hal-hal yang berkaitan dengan agama. Perkara ini disokong oleh Che Hasniza (2007) yang mendapati ibu bapa Melayu tidak akan berkompromi dengan anak apabila anak melanggar peraturan yang berkenaan dengan agama. Perlu juga disebut di sini Che Hasniza (2007) juga mendapati gaya keibubapaan yang paling tinggi diamalkan oleh ibu bapa adalah autoritatif. Perkara ini juga disokong oleh pengkaji seperti Zainah et al. (2003) yang mendapati keluarga Melayu dan Cina tidak lagi mengamalkan gaya keibubapaan yang bersifat authoritarian secara mutlak, sebaliknya menggunakan kombinasi di antara ciri-ciri authoritarian dan autoritatif yang mengandungi nilai-nilai tradisi mengikut budaya masing-masing.

Ada kemungkinan juga ibu bapa remaja Melayu perlu menyesuaikan kaedah sosialisasi terhadap anak mereka selaras dengan perkembangan zaman. Ini kerana, ada kajian yang menunjukkan bahawa anak-anak dan ibu bapa saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Pengkaji seperti Ambert (2001) misalnya mengatakan dalam dunia yang semakin pesat dengan perkembangan teknologi ini, adalah sukar untuk ibu bapa memainkan peranan secara total di dalam perkembangan anak-anak, di mana kuasa sosial seperti rakan-rakan, media massa, budaya popular, politik dan sebagainya telah mempengaruhi anak-anak dan secara tidak langsung mereka pula akan mempengaruhi ibu bapa (Ambert, 2001 dipetik dari Che Hasniza, 2007). Oleh itu, ibu bapa harus menyesuaikan jurang generasi remaja zaman kini yang mungkin lebih menerima ibu bapa yang bersifat autoritatif atau memiliki *AQR* yang tinggi.

Selain itu, keputusan kajian juga menunjukkan skor untuk perapatan jenis *Parents as Facilitators of Independence (PFI)* dan *Parents As Sources of Emotional Support (PSES)* adalah lebih rendah berbanding dengan skor perapatan jenis afektif. Dalam budaya Melayu, rendah dalam elemen *PFI* dan *PSES* merupakan sesuatu yang masuk akal. Ibu orang Timur cenderung memanjakan anak mereka dengan menunaikan kemahuan dan kehendak anak yang ditonjolkan ketika ibu memberikan makanan, membersih, menidurkan anak ataupun ketika menemani anak mereka (Roopnariane dan Carter, 1992). Ibu juga masih melakukan perkara yang sama (memanjakan anak) meskipun anaknya sudah bersedia untuk berdikari (Sham'ah, 2005). Malah, anak dalam masyarakat Timur digalakkan untuk bergantung dengan ibu bapa dan ibu bapa tidak akan meninggalkan anak mereka keseorangan bersama dengan orang yang tidak dikenali (Takahashi, 1986).

Di samping itu, kajian menunjukkan majoriti remaja Melayu berada dalam status identiti *achievement* dan *moratorium*. Keputusan ini bertentangan dengan kajian-kajian lepas yang mengatakan remaja Timur cenderung memiliki identiti *foreclosure* (Adams, Shea dan Fitch, 1979; Bennion dan Adams, 1986; Cakir dan Aydin, 2005; Grotewell dan Adams, 1984; Markstrom-Adams dan Adams, 1995; Markstrom-Adams, Hofstra dan Dougher, 1994). Keputusan kajian ini sebegitu rupa barangkali boleh dijelaskan oleh corak keibubapaan yang diamalkan dalam masyarakat Melayu. Seperti yang ditemui dalam kajian, remaja Melayu melihat ibu bapa mereka sebagai memiliki kualiti afektif yang tinggi. Memiliki kualiti afektif (*AQR*) yang tinggi bermaksud ibu bapa sentiasa mempunyai masa untuk membantu anak, ibu bapa tidak mendesak anak untuk melaksanakan harapan mereka, menyokong matlamat dan minat anak, seseorang yang sentiasa dicari oleh anak, seorang yang akan mendengar cerita anak ketika sedih, memahami dan mengambil tahu masalah anak dan lain-lain (Kenny, 1987). Ciri-ciri ibu bapa yang dilihat sebagai memiliki *AQR* yang tinggi ini secara tidak langsung bertentangan dengan ciri-ciri ibu bapa yang bersifat autoritarian, sebaliknya lebih menyerupai ibu bapa yang bersifat autoritatif. Baru-baru ini, beberapa kajian tempatan juga menunjukkan bahawa corak keibubapaan remaja Melayu adalah bersifat autoritatif (Azizi et al., 2006; Habibah dan Tan, 2009). Nampaknya, sifat authoritarian dalam masyarakat Melayu semakin terhakis. Ini barangkali membawa kepada anak remaja tidak lagi bersifat *foreclosure*. Walau bagaimanapun, ini perlu dikaji dengan lebih lanjut.

Berikutnya, sebab remaja Melayu tinggi dalam skor identiti *achievement* mungkin berkait rapat dengan corak hubungan remaja Melayu dengan ibu bapa. Sartor & Youniss (2002) mendapat ibu bapa yang

mengambil tahu mengenai aktiviti anak remaja mereka sehari-hari serta memberi sokongan emosi mempunyai perkaitan dengan identiti *achievement*. Selaras dengan remaja Melayu yang tinggi dalam *AQR*, ini kemungkinan besar membantu remaja mencapai identiti *achievement*. Berkaitan dengan remaja Melayu yang tinggi dalam skor identiti *moratorium* pula, keputusan ini mungkin disebabkan oleh min umur sampel kajian (i.e. 15.98 tahun). Kajian-kajian lepas mendapati peningkatan usia remaja menunjukkan penurunan pada identiti *diffusion* dan *foreclosure* manakala peningkatan berlaku pada identiti jenis *moratorium* dan *achievement* (Graf et al., 2008; Kumru dan Thomson, 2003; Meeus et al, 1999).

Selain itu, hasil analisis menunjukkan ada hubungan antara perapatan keibubapaan dengan status identiti iaitu sokongan emosi ibu bapa didapati berkorelasi positif dengan status identiti remaja Melayu (i.e *foreclosure* dan *achievement*). Dapatan kajian ini menyamai beberapa kajian terdahulu yang melihat hubungan antara dua pembolehubah tersebut (contohnya kajian Benson, Harris, & Rogers, 1992; Kroger, 1985; Kroger & Haslett, 1988; Lapsey, Rice, & Fitzgerald, 1990 dan Zimmerman & Becker-Stool, 2002). Spesifiknya, keputusan kajian menunjukkan remaja *foreclosure* dan *achievement* mempersepsikan bapa mereka sebagai sumber sokongan emosi, misalnya mendengar luahan perasaan, memberi bantuan kepada anak, beri perhatian ketika anak memerlukan, memberi nasihat dan lain-lain.

Hoegh & Bourgeois (2002) mengatakan individu *foreclosure* cenderung mempunyai skor tinggi dalam perapatan jenis selamat atau *Dismissive*. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan hanya bapa dipersepsikan sebagai sumber sokongan emosi yang berhubungan dengan identiti *foreclosure*. Remaja *foreclosure* cenderung mendukung nilai individu yang dilihat sebagai pemimpin dan memiliki autoriti. Marcia (1966) mengatakan individu *foreclosure* cenderung menyokong nilai autoritarian seperti taat atau patuh, pemimpin yang berkuasa, dan menghormati autoriti. Dalam masyarakat Melayu, bapa merupakan ketua keluarga dan dilihat sebagai pemimpin yang lebih tegas dan orang yang berkuasa yang perlu anak taati dan patuhi berbanding ibu (Che Hasniza dan Fatimah Yusoff, 2011). Lantaran itu, remaja *foreclosure* mempunyai hubungan yang signifikan dengan bapa kerana bapa dilihat sebagai ketua keluarga yang memiliki nilai autoriti.

Sementara itu, kajian-kajian lepas melaporkan remaja identiti *achievement* mempunyai ibu bapa yang memberi sokongan emosi dan sering terlibat dalam aktiviti sehari-hari mereka (contohnya Adams et al., 1994; Hoegh dan Bourgeois, 2002 dan Sartos dan Youniss, 2002). Hoegh dan Bourgeois (2002) pula mengatakan remaja *achievement* cenderung menunjukkan skor

yang tinggi dalam perapatan jenis selamat. Malahan, remaja *achievement* juga dikatakan melihat ibu bapa mereka secara positif (Adams et al., 1994). Ringkasnya, remaja *achievement* dikaitkan dengan perapatan keibubapaan jenis selamat oleh remaja Melayu dalam sampel kajian ini. Tambahan itu, remaja *achievement* dan *moratorium* dibesarkan dalam keluarga yang ada kasih sayang, galakan dan latihan untuk berdikari (Jas Laile, 2002). Oleh itu, tidak mengejutkan jika ibu bapa sebagai sumber sokongan emosi menjadi peramal kepada identiti *achievement*.

## **Kesimpulan**

Kajian ini dilakukan untuk melihat pola perapatan ibu bapa Melayu dan hubungan antara perapatan dengan identiti remaja. Keputusan menunjukkan remaja Melayu melihat ibu bapa mereka sebagai mempunyai perapatan jenis afektif. Keputusan juga menunjukkan perapatan keibubapaan penting dalam mempengaruhi status identiti remaja. Dengan kata-kata lain, status identiti remaja didapati sedikit sebanyak bergantung kepada jenis perapatan keibubapaan. Kajian menunjukkan remaja Melayu yang dibesarkan oleh ibu bapa yang afektif mungkin membantu remaja mencapai identiti. Selain itu, kajian juga menunjukkan kadar afektif yang dimiliki oleh remaja Melayu dari ibu bapa adalah tinggi terutamanya dari pihak ibu. Keputusan ini mengambarkan ada posibiliti sifat autoritarian yang diamalkan dalam masyarakat Melayu kian terhakis. Barangkali hanya dalam beberapa perkara sahaja sifat authoritarian ibu bapa Melayu masih kekal diperaktikkan, terutamanya yang melibatkan hal-hal agama (Che Hasniza, 2007). Ini perlu dikaji dengan lebih lanjut lagi selepas ini. Walau bagaimanapun, penemuan kajian ini sekurang-kurangnya menyediakan bukti sokongan ke atas hujah dari Zainah et al. (2003) yang mengatakan gaya keibubapaan yang diamalkan dalam masyarakat Melayu sekarang merangkumi kedua-dua ciri authoritarian dan autoritatif. Kajian mencadangkan persoalan perapatan perlu diterokai dengan lebih mendalam agar dapat difahami ciri-ciri Melayu yang *distinctive* dan apakah kaitannya dengan identiti remaja.

## Bibliografi

- Adams, G. R. Gullotta, T. P. & Carol, M. A. (1994). *Adolescent Life Experiences* (3rd Ed.). Wardsworth.Inc USA.
- Adams, G. R., Shea, J. & Fitch, S. A. (1979). Toward the development of an objective assessment of ego-identity status. *Journal of Youth and Adolescence*, 8, 223-237.
- Ambert, A. M. (2007). The effect of children on parent, 2001. Dalam Che Hasniza Che Noh. Hubungan keluarga dari aspek komunikasi dan gaya keibubapaan. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 45- 57.
- Azizi, Y. & Kamaliah, N. (2006). *Relationship between self concepts, motivation and parenting styles effected students achievements*. University Technology Malaysia
- Baumrind, D. (1991). The influence of parenting style on adolescent competence and substance use. *Journal of Early Adolescence*, 11, 56–95.
- Bennion, L. D. & Gerald, R. A. (1986). A revision of the extended version of the objective measure of ego identity status: An identity instrument for use with late adolescents. *Journal of Adolescent research*, 1, 183-198.
- Benson, M. J., Harris, P. B. & Rogers, C. S. (1992). Identity consequences of attachment to mother and fathers among late adolescents. *Journal of Research on Adolescents*, 2, 187-204.
- Bigner, J. J. (1994). *Individual and family development: A life-span interdisciplinary approach*. New Jersey: Prentice-Hall
- Cakir, S. G. & Aydin, G. (2005). Parental attitudes and Ego Identity Status of Turkish Adolescents. *Adolescence*, 40 (160), 847-859.
- Carlson, D. L. (1986). *Identity status: Its relationship to psychological adjustment and academic achievement*. Tesis Sarjana, University of Wisconsin.
- Chao, R. & Tseng, V. (2002). Parenting of Asians. In M. H. Bornstein (Series Ed.), *Handbook of parenting: Vol. 4 Social conditions and applied parenting* (2nd ed., pp. 59-93). Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates
- Che Hasniza & Fatimah Yussoff. (2011). Corak komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari*, 3 (2), 45 – 62.

- Che Hasniza Che Noh. (2007). Hubungan keluarga dari aspek komunikasi dan gaya keibubapaan. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 45- 57.
- Graf, S. C., Mullis, R. L., & Mullis, A. K. (2008). Identity formation of United States American and Asian Indian adolescents. *Adolescence*, 43 (169), 57-69.
- Grotevant, H. D., Adams, G. R. (1984). Development of an objective measure to assess ego identity in adolescence: Validation and replication. *Journal of Youth and Adolescence*, 13, 419-438.
- Harwood, R., Leyendecker, B., Carlson, V., Asencio, M., & Miller, A. (2002). *Parenting among Latino families in the U.S.* In M. H. Bornstein (Ed.), *Handbook of parenting: Vol. 4, Social conditions and applied parenting* (2nd ed., pp. 21 – 46). Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Hoegh, D. G.,& Bourgeouis, M. J. (2002). Prelude and postlude to the self: Correlations of achieved identity. *Youth & Society*, 33, 573-594.
- Habibah, E. & Tan, H. Y. (2009). Relationship between perceived paternal and maternal parenting styles and student academic achievement in selected secondary schools. *European Journal of Social Sciences*, 9 (2), 181-192.
- Jas Laile. (2002). *Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Kenny, M. E., & Donaldson, G. A. (1991). Contributions of parental attachment and family structure to the social and psychological functioning of first-year college students. *Journal of Counseling Psychology*, 38, 479-486.
- Kenny, M. E. (1987). The extent and function of parental attachment among first-year college students. *Journal of Youth and Adolescence*, 16, 17-27.
- Khuzaimah, Z. (2001). *Pengaruh Sikap dan Caragaya Kebapaan Terhadap Salah Laku Remaja Melayu Bersekolah*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Kumru, A. & Thompson, R. A. (2003). Ego identity status and self-monitoring behaviorin adolescence. *Journal of Adolescent Research*, 18, 481-495.
- Kroger, J. (1985). Separation- Individuation and Ego Identity Status in New Zealand University Students. *Journal of Youth and Adolescence*, 14, 133-147.

- Kroger, J. & Haslett, S. J. (1988). Separation- Individuation and Ego Identity Status in Late Adolescence: A Two-Year Longitudinal Study. *Journal of Youth and adolescence*, 17, 59-79.
- Lapsley, D. K., Rice, K. G. & Fitzgerald, D. P. (1990). Adolescent attachment, identity, and adjustment to college: Implications for the continuity of adaptation hypothesis. *Journal of Counseling and Development*, 68, 561-565.
- Marcia, J. E. (1966). Development and validation of Ego- identity Status. *Journal of Personality and Social Psychology*, 3 (5), 551-558.
- Markstrom-Adams, C. and Adams, G.. R. (1995). Gender, ethnic group, and grade differences in psychosocial functioning during middle adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 24, 397-417.
- Markstrom-Adams, C., Hofstra, G., & Dougher, K. (1994). The ego virtue of fidelity: A case for the study of religion and identity formation in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 23, 453-469.
- Meeus, W., Iedema, J., Vollebergh, W. (1999). Identity re-revisited: A rejoinder to waterman on development and cross- cultural issues. *Development Review*, 19, 480-496.
- Norlizah Che Hassan. (2008). *Perkaitan cara gaya keibubapaan dengan konsep kendiri dan tingkah laku delinkuan remaja*. Disertasi Doktor Falsafah, University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
- Roopnariane, J. L., & Carter, D. B. (1992). Parent-child socialization in diverse cultures”, In Sham`Ah Md. Yunus. (2005). *Child care practices in three Asian countries. International Journal Of Early Childhood*, 37 (1), 39-56.
- Rozumah, B. (1999). Relationships Among Parenting Knowledge, Quality of Stimulation in the Home and Child Academic Performance. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 7 (1),11-19.
- Rozumah, B., Hong, C. Y., Lim, S. J., & Nor Sheereen, Z. (2010). Educational goals, parenting practices and adolescents’ academic achievement. *Asian Social Science*, 6 (12), ISSN 1911-2025.
- Sartor, C. E. & Youniss, J. (2002). The relationship between positive parental involvement and identity achievement during adolescence. *Adolescence*, 37 (146), 221-234.
- Sham`Ah Md. Yunus. (2005). Childcare practices in three Asian countries. *International Journal Of Early Childhood*, 37 (1), 39-56.

- Somayeh K. & Rozumah, B. (2009). Parenting style in a collectivist culture of Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 10 (1), 66- 73.
- Takahashi, K. (1986). Examining the strange-situation procedure with Japanese mothers and 12-month-old infants. *Developmental Psychology*, 22, 265-270.
- Wu, C. X. & Chao, R. K. (2005). Intergenerational cultural conflicts for Chinese American youth with immigrant parents: Norms of parental warmth and the consequences. *International Journal of Behavioral Development*, 29, 516-523.
- Zahyah Hanafi. *Malay adolescents' perception of maternal and paternal parenting style*. Malaysian Journal of Learning & Instruction, 1 no.1, (2004): 131-161.
- Zainah Ahmad Zamani, Li Yee Wah & Arfah Sulaiman. “*Gaya didikan anak keluarga Melayu dan Cina: Satu perbandingan*”. Kertas Kerja Seminar Keluarga Kebangsaan, 2003.
- Zarina, Mohamad Amin. (2009). *Prediktor Tingkah Laku Keibubapaan Ibu Dan Kesejahteraan Anak Dari Keluarga Melayu Bercerai*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Ziarat, Hossain, Jaipaul L., Roopnarine, Jariah, Masud, Abdullah, Al-Hadi Muhammed, Rozumah, Baharudin, Rohani, Abdullah & Rumaya, Juhari. “Mothers' and fathers' childcare involvement with young children in rural families in Malaysia.” *International Journal of Psychology*, 40 no. 6, (2005): 385-394.
- Zimmermann, P. & Becker-Stool, Fabienne. “*Stability of attachment representation during adolescence: The influence of ego-identity Status*. Journal of Adolescence”, 25, (2002):107-124.